

18/02/1998

Ahli IAP yakin dengan MSC

M Azlan Jaafar; Hizral Tazzif Hisham

SYARIKAT antarabangsa yang menjadi anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yakin dengan projek MSC dan akan terus melabur dalam aktiviti yang bakal dibangunkan.

Naib Presiden Siemens Nixdorf Informations Systeme AG, Axel Hass, berkata syarikatnya akan membuat pelaburan kira-kira AS\$50 juta dalam tempoh 10 tahun untuk melahirkan tenaga kerja intelek.

Katanya, pelaburan Siemens akan ditumpukan kepada pembangunan intelek untuk melahirkan tenaga kerja intelek yang dapat dimanfaatkan secara berkesan dan produktif.

"Kami sudah memastikan pelaburan untuk menambah lebih ramai tenaga kerja intelek, terutama dalam bidang perisian dan program pendidikan di MSC," katanya.

Setakat ini apa yang sering menjadi tajuk perbincangan ialah bagaimana melahirkan tenaga kerja intelek dan ia menjadi persoalan kritikal dalam industri teknologi maklumat.

"Berlainan dengan pelaburan lalu yang tertumpu kepada pembangunan fizikal dan mesin, tumpuan sektor IT ialah dalam pembangunan asas pengetahuan yang menjadi komponen penting dalam IT," katanya.

Hass yang mewakili syarikatnya pada mesyuarat itu berkata, Siemens sudah memperolehi status MSC.

"Setakat ini, tenaga kerja kami dari kalangan anak tempatan berupaya membangunkan produk perisian yang sudahpun dipasarkan di peringkat antarabangsa."

Beliau turut kagum dengan pencapaian pembangunan projek MSC sejak menghadiri mesyuarat IAP pertama di Universiti Stanford, Palo Alto, California, Januari tahun lalu.

"Daripada perbincangan setahun lalu dan pencapaian sekarang, ia terbukti memberangsangkan. MSC mempunyai pembahagian tugas yang jelas dan dapat membantu mempercepatkan pembangunannya," katanya.

Sebuah lagi syarikat gergasi IT turut menyatakan keyakinan kepada projek MSC serta kebolehan negara mengatasi kegawatan ekonomi semasa.

Pengerusi Motorola Corporation, Gary L Tooker, yakin dengan program pembangunan MSC serta ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

"Motorola akan terus memperluaskan operasinya di negara ini dan yakin dengan Malaysia," katanya.

Pandangan positif Motorola didorong oleh peranan yang dimainkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai peneraju masyarakat Asean dalam membincangkan isu dengan masyarakat Eropah serta Amerika Syarikat.

Mengenai aktiviti Motorola di MSC, Tooker berkata, ia akan menjadi sebahagian pelaburan besar syarikat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

"Motorola mengenal pasti beberapa program MSC seperti inisiatif kad pintar dan sekolah bestari," katanya.

Walaupun pelaburan dalam MSC belum diputuskan lagi, pelaburan awal Motorola berjumlah antara AS\$10 juta hingga AS\$15 juta.

(END)